



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 APRIL 2017

## Larangan debat Dr. Mahathir, Mohamed Nazri berasas

**KUALA LUMPUR 4 April** - Keputusan polis melarang debat antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang dijadualkan berlangsung Jumaat ini di Kompleks Karangkrak, Shah Alam, Selangor adalah berasas yang diambil mengikut undang-undang sedia ada.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar turut menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mengikut perlembagaan dan bertindak di luar bidang kuasa mereka.

Menurutnya, keputusan untuk menghentikan debat itu dibuat selepas mengambil kira faktor kepentingan awam dan masalah keselamatan yang berkemungkinan terjadi memandangkan polis telah menerima laporan daripada beberapa individu dari seluruh Selangor yang membantah debat tersebut.



**KHALID ABU BAKAR**

“Daripada laporan dan bantahan diterima, adalah terbukti bahawa debat berkenaan bakal menimbulkan kekacauan dalam masyarakat dan telah termaktub dalam tugas PDRM untuk mengambil kira segala ancaman yang mungkin berlaku.

“Oleh itu, tidak munasabah untuk mendakwa PDRM menghalang hak kebebasan bersuara kerana sebelum ini kita sudah meluluskan banyak acara perbincangan dan debat yang lain,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Khalid, polis menggunakan kuasa mengikut Seksyen 3(3) Akta Polis 1967 dan Seksyen 20(3) akta sama yang memberikan kuasa budi bicara polis dalam menjalankan tugas demi menjaga keselamatan dan kepentingan orang ramai.

“Ini bukan soal menyalahgunakan kuasa, tetapi semua keputusan dibuat mengikut peruntukan undang-undang demi kepentingan rakyat,” ujarnya.

UM-5/4/2017